


Kertas Bil. 49/2014



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PEJABAT TANAH DAN DAERAH (JP-PADAT) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PEJABAT
DAERAH DAN TANAH (“PDT”) DAERAH PETALING**



PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)
MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (“PDT”) DAERAH PETALING

1. PENDAHULUAN

- 1.1.** Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (Jawatankuasa) telah mengadakan satu lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah (“PDT”) Petaling pada hari Isnin, 19 Mei 2014.
- 1.2.** Lawatan ke PDT Petaling merupakan salah satu daripada rangka kerja Jawatankuasa bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan pentadbiran PDT-PDT di Selangor. Jawatankuasa juga ingin mengetahui pencapaian dan permasalahan yang di hadapi PDT-PDT di Selangor.
- 1.3.** Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir pada lawatan ini terdiri daripada Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku) selaku Pengurus, Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (ADN Kawasan Sri Muda) dan Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang).
- 1.4.** Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Pegawai Daerah Petaling, Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Misri bin Hj Idris, Setiausaha Bahagian Dewan/MMKN, Pn. Elya Marini binti Darmin, para pegawai PDT Petaling serta Urus Setia Jawatankuasa.

2. TAKLIMAT AM BERKENAAN LATAR BELAKANG DAN PENCAPAIAN SEMASA PDT PETALING

- 2.1.** Jawatankuasa ini telah diberi penerangan tentang latar belakang am Daerah Petaling termasuk pecahan-pecahan mukim beserta statistik penduduk dan juga Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir daerah Petaling iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Daerah Petaling terdiri daripada enam (6) buah mukim iaitu Petaling 1, Petaling 2, Damansara, Bukit Raja, Sungai Buloh 1 dan Sungai Buloh 2 dengan jumlah keluasan 48,492 hektar menjadikannya sebagai daerah terkecil di Selangor. Namun begitu, kepadatan penduduk di daerah ini adalah paling tinggi iaitu seramai lebih kurang 2.7 juta orang penduduk.
- 2.2.** Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa hampir kesemua tanah di Daerah Petaling telah dibangunkan dengan rata-rata penggunaan tanah adalah bagi tujuan kediaman dan komersil. Kawasan hijau/hutan simpan yang masih tinggal di kawasan Daerah Petaling hanyalah di Kawasan

Hutan Simpan Bukit Cahaya di Shah Alam dan juga Kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam di Puchong.

- 2.3. Y.Bhg. Dato' Pegawai Daerah kemudian menerangkan empat isu utama yang menjadi fokus Jawatankuasa bagi sesi lawatan tersebut. Empat (4) isu tersebut adalah:

2.3.1 Laporan Prestasi Kerja Terhadap Kutipan Hasil.

Jadual (i): Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai Tahun 2013 dan 2014 (sehingga April)

TAHUN	HASIL CUKAI	HASIL BUKAN CUKAI	JUMLAH
2013	163,749,139.47	336,051,899.77	499,801,039.24
2014 (SEHINGGA APRIL)	101,969,085.89	139,245,812.70	241,214,898.59

- 2.3.1.1 Jawatankuasa dimaklumkan bahawa jumlah cukai yang telah dikutip (melibatkan kedua-dua hasil cukai dan hasil bukan cukai seperti lesen TOL, gadaian, pindahmilik dsb.) adalah sebanyak RM 499,801,039.24 untuk tahun 2013 dan RM241,214,898.59 bagi tempoh sehingga bulan April untuk tahun 2014.

Jadual (ii): Jumlah Kutipan Tahun 2013

2013	JUMLAH PERLU DIKUTIP	KUTIPAN	PERATUS (%)
CUKAI SEMASA	151,050,967.23	142,348,183.99	94%
CUKAI TUNGGAKAN	55,793,780.18	15,659,043.48	28%
KESELURUHAN	206,844,747.41	158,007,227.47	76%

Jadual (iii): Jumlah Kutipan Tahun 2014 (sehingga April)

2014	JUMLAH PERLU DIKUTIP	KUTIPAN	PERATUS (%)
CUKAI SEMASA	154,381,078.20	94,234,245.34	61%
CUKAI TUNGGAKAN	62,528,562.32	6,838,118.91	11%
KESELURUHAN	216,909,640.52	101,072,364.25	47%

- 2.3.1.2 Jawatankuasa juga telah dimaklumkan bahawa bagi kutipan hasil cukai tanah, PDT Petaling telah berjaya

mengutip 76% daripada jumlah hasil cukai tanah yang perlu dipungut (melibatkan kedua-dua cukai semasa dan cukai tunggakkan) untuk tahun berakhir 2013 manakala untuk tahun 2014 (bagi tempoh sehingga bulan April 2014) peratusannya adalah sebanyak 47%.

2.3.2 Statistik penyediaan kertas kerja tentang permohonan tanah melalui “Skim Pemilikan Kediaman Persendirian”.

Jadual (iv): Statistik Penyediaan Kertas Kerja Tentang Permohonan Tanah Melalui “Skim Pemilikan Kediaman Persendirian”

PERKARA	AKTIVITI	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN
		2011	2012	2013
PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KTN	Penyediaan Surat Kelulusan	7	41	19
	Penyediaan Surat Tolak	-	-	-
PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH PAJAKAN DI BAWAH SEKSYEN 197 DAN 76 KTN	Penyediaan Surat Kelulusan	287	500	274
	Penyediaan Surat Tolak	1	1	1

2.3.2.1 Pihak PDT Petaling telah memberikan maklumat kepada Jawatankuasa bahawa permohonan pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara adalah tidak sebanyak jumlah Permohonan Perlanjutan Tempoh Pajakan di bawah Seksyen 197 dan 76 KTN kerana kekurangan tanah-tanah kerajaan di Daerah Petaling. Jumlah kelulusan bagi Permohonan Perlanjutan Tempoh adalah sebanyak 287 pada tahun 2011, 500 pada tahun 2012 dan 274 pada tahun 2013. Bagi Permohonan Perlanjutan, bayaran premium adalah sama dan kebanyakkan pemohon memohon untuk dilanjutkan bayaran premium kerana bayaran yang agak tinggi. Namun demikian, pihak PDT Petaling memaklumkan bahawa nilai tersebut telah ditetapkan oleh Jabatan

Penilaian Negeri dan sebarang rayuan pelanjutan bayaran premium tidak akan dilayan.

- 2.3.2.2 Jawatankuasa diberitahu skim kediaman pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor Bil.6/2011 lebih banyak di guna pakai untuk permohonan memperbaharui tempoh pajakan berbanding permohonan pelupusan secara pemberimanikan kerana pemilikan tapak yang diberi kepada pemohon adalah mengikut tanah yang diusahakan pemohon dan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri terhadap pemilik tanah.
- 2.3.2.3 PDT Petaling memberitahu penyediaan surat berdasarkan sesuatu permohonan yang tidak dapat diproses adalah kerana tapak yang dipohon termasuk dalam tanah rizab kerajaan atau terdapat perlanggaran syarat tanah yang berlaku. Namun demikian, PDT Petaling sedar kesukaran yang dihadapi oleh pemohon-pemohon terutamanya mereka yang telah mengusahakan tanah-tanah tersebut seperti mendirikan kediaman dan sebagainya. Bagi keskes seperti ini, Jawatankuasa dimaklumkan bahawa pihak PDT Petaling akan merujuk mereka ke Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk diberi peluang memohon rumah mampu milik "Selangorku" dan akan menyokong penuh permohonan-permohonan tersebut.

2.3.3 Laporan Lesen Pendudukan Sementara (LPS/TOL).

- 2.3.3.1 Secara amnya, Y.Bhg. Dato' Pegawai Daerah telah memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa sepanjang tempoh 2010-2014, kelulusan bagi permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau lebih dikenali sebagai TOL adalah rendah. (Sila rujuk Lampiran di Slaid 3. Laporan Lesen Pendudukan Sementara LPS/TOL) Antara permohonan-permohonan yang telah diluluskan adalah permohonan pembinaan tempat letak kereta. Bagi permohonan pembinaan tapak letak kereta, kebanyakannya dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (kawasan-kawasan berhampiran stesen LRT yang baharu) dan juga oleh institusi-institusi pendidikan sebagai contoh Taylor's College di Subang Jaya.
- 2.3.3.2 Permohonan bagi tujuan pertanian, walaupun ianya terletak di kawasan rizab sungai, elektrik, jalan dan

sebagainya, permohonan akan diproses tetapi ianya tertakluk kepada ulasan jabatan-jabatan teknikal yang lain (JPBD, PBT, JPS, JKR, TNB) dan permohonan tersebut tidak boleh mengandungi pembinaan bangunan kekal. Bagi permohonan untuk tujuan-tujuan lain seperti perniagaan, pembangunan, kios, bangunan awam, stor, bengkel dan sebagainya permohonan akan dipertimbangkan sekiranya ianya melibatkan permohonan daripada pihak PBT tetapi faktor-faktor am ini biasanya akan diambil kira; seperti bangunan tersebut hendaklah bersifat sementara dan tertakluk kepada ulasan-ulasan jabatan/agensi yang terlibat.

- 2.3.3.3 Bagi permohonan TOL untuk papan-papan iklan, kebanyakkan pemohon adalah daripada PBT (MBPJ dan MPSJ) dan ianya akan dibawa ke MTES untuk kelulusan. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa pihak MBPJ telah disaman atas kesilapan-kesilapan teknikal berkenaan penggunaan terma 'sewaan' tapak tersebut di mana ia sepatutnya dikenali sebagai projek usahasama (JV) dan bukannya sewaan. Bagi permohonan pondok-pondok pengawal (gated & guarded community), kebanyakkan permohonan telah dibawa ke MTES. Namun demikian, pihak PDT Petaling juga telah memaklumkan bahawa kebanyakkan tapak pondok-pondok pengawal jenis ini telah dibina tanpa kelulusan.
- 2.3.3.4 Jadual lengkap yang memperincikan setiap permohonan LPS di dalam Daerah Petaling bagi tahun 2010 sehingga 2014 boleh dirujuk di dalam Slaid seperti di Lampiran.

2.3.4 Tuggakan permohonan pewartaan tanah perkuburan bagi orang bukan Islam.

Jadual (v): Tuggakan Permohonan Pewartaan Tanah Perkuburan Bagi Orang Bukan Islam.

TAHUN	JENIS			STATUS
	KRISTIAN	CINA	INDIA	
2013	0	2	2	LAPORAN SO
2014	1	0	0	TOLAK – RIZAB JALAN
JUMLAH	1	2	2	

2.3.4.1 Sehingga kini, terdapat satu tunggakkan bagi tanah perkuburan Kristian tetapi ianya ditolak kerana tanah tersebut terletak di dalam rizab jalan. Bagi tanah perkuburan India dan Cina terdapat dua tunggakan, di mana permohonan ini sedang diproses dan sedang menunggu laporan daripada Pegawai Penempatan (SO). Namun demikian, pihak Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa kesemua tapak-tapak tersebut telah pun digunakan bagi tujuan perkuburan. Jadual (vi) di bawah memperincikan permohonan-permohonan perwartaan tanah perkuburan bukan Islam di Daerah Petaling.

Jadual (vi): Senarai Permohonan Pewartaan Tanah Perkuburan Bukan Islam

BIL	NAMA PEMOHON	TARIKH PERMOHONAN	LOKASI TANAH PERKUBURAN
1	Persatuan Kubur Cina Batu 14	15 September 2011	Kg Pasir Batu 14 Puchong
2	Maeippinan Koodaram Ministries Puchong	29 Ogos 2013	Batu 14 Puchong
3	Persatuan Perkuburan Cina Petaling Jaya	20 September 2013	Jalan 229 Sek. 32 Petaling Jaya
4	Persatuan Pengurusan Perkuburan Dan Kebajikan Kaum India Selangor	1 November 2012	Denai Alam, Seksyen U16, Shah Alam
5	Persatuan Perkuburan Cina Petaling Jaya	24 April 2014	Lot 5424 Bandar Petaling Jaya

2.3.5 Status tanah pegangan hakmilik bebas (freehold) dan pajakan (leasehold) di DUN Taman Medan dan DUN Bukit Gasing.

2.3.5.1 Pada 14 Mei 2014, Jawatankuasa telah mengadakan satu pendengaran tertutup bersama Y.B. Tuan Rajiv A/I Risyakaran berkenaan aduan beliau mengenai status tanah pegangan hakmilik bebas (freehold) dan pajakan (leasehold) di kawasan beliau.

2.3.5.2 Pihak PDT Petaling telah menjelaskan kepada Jawatankuasa bahawa pemberimilikan tanah di kawasan ini terbahagi kepada dua iaitu *leasehold* dan *freehold*. Tanah-tanah *freehold* yang telah diberikan adalah tanah-

tanah estet atau milik pemaju asal yang telah dijual kepada pembeli. Bagi tanah-tanah *leasehold*, tanah-tanah tersebut adalah tanah-tanah anugerah negeri yang telah diberikan kepada anak-anak syarikat negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) atau syarikat-syarikat pemaju yang lain.

- 2.3.5.3 PDT Petaling memaklumkan ada permohonan-permohonan daripada pemilik tanah *leasehold* ini untuk ditukarkan kepada *freehold* namun Pihak Berkuasa Negeri masih tidak memberi apa-apa maklumbalas berkenaan hal ini. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa kawasan Seksyen 5, 6, 18 dan 39 adalah milik pemaju-pemaju asal seperti Petaling Garden Sdn Bhd dan Kanagapuram Sdn Bhd bermakna tanah-tanah ini adalah di dalam kategori *freehold*. Bagi kawasan Seksyen 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan juga Taman Medan, tanah tersebut adalah tanah anugerah Kerajaan Negeri yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada PKNS untuk dimajukan yang bermaksud tanah-tanah tersebut adalah tanah *leasehold*.
- 2.3.5.4 Jawatankuasa telah menerima beberapa dokumen bertulis daripada ADUN Bukit Gasing dan akan menjalankan siasatan selanjutnya berkenaan kedua-kedua isu ini.

3. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 3.1. Jawatankuasa telah menemukan beberapa isu yang menjadi permasalahan kepada PDT Petaling. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

3.1.1. Tuggakan bayaran hasil cukai adalah tinggi di Daerah Petaling.

- 3.1.1.1. Pihak PDT Petaling tidak mempunyai rekod pemegang-pemegang AA atau *Approved Application*.

AA atau *Approved Application* merupakan kelulusan yang sah tetapi tidak boleh dianggap sebagai hakmilik. Namun demikian sekiranya dokumen AA tersebut ada (Jawatankuasa difahamkan ianya merupakan rekod lama dan tiada dalam milikan pihak PDT Petaling dan tidak dapat menjumpai pemilik-pemilik asal yang berkemungkinan mempunyai rekod tersebut), pihak PDT boleh memproseskannya untuk dijadikan hakmilik.

3.1.1.2. Kawasan perumahan yang dibina di atas tapak pencawang elektrik/Rizab TNB.

Bagi tapak-tapak pencawang elektrik atau Rizab TNB, ada kawasan-kawasan ini telah dimajukan sebagai kawasan perumahan, di mana hakmilik telah dikeluarkan bagi tujuan perumahan. Namun demikian bayaran tidak dilakukan atas alasan ianya adalah bagi kegunaan tapak pencawang elektrik dan bukannya kediaman. Pihak PDT Petaling akan bekerjasama dengan pihak TNB dan pemaju-pemaju lama dan sekiranya pemilik kediaman masih enggan membayar, pihak PDT Petaling akan merampas tanah melalui Borang 6A dan lanjutan Borang 8A Kanun Tanah Negara dan tanah-tanah ini akan diserahkan kepada pihak TNB di mana mereka akan membayar premium dan cukai-cukai berkaitan.

3.1.1.3. ‘Master Title’ tidak dibatalkan walaupun Hakmilik Individu telah dikeluarkan.

Antara penyebab-penyebab lain tunggakan cukai adalah isu berkenaan ‘*Master Title*’ yang tidak dibatalkan walaupun Hakmilik Individu telah diberikan atas kesilapan teknikal. Pihak PDT Petaling akan bekerjasama dengan pihak pemaju untuk memastikan sama ada ianya memang sudah dibatalkan dan sistem dapat dikemaskini. Selain itu, ada juga tunggakan juga ada melibatkan projek-projek terbengkalai dan juga syarikat-syarikat pemaju yang sudah muflis. Namun demikian, fokus utama adalah untuk mengutip cukai-cukai yang sedia ada dan kemudiannya tumpuan akan di alihkan kepada pembersihan data seperti yang diterangkan di atas.

3.1.2. Jumlah kelulusan permohonan LPS/TOL adalah kecil berbanding jumlah permohonan.

3.1.2.1. Berkenaan isu penolakan TOL, Jawatankuasa difahamkan sekiranya terdapat permohonan-permohonan di atas tanah yang sudah diwartakan, pihak PDT Petaling berhak untuk menolak permohonan tersebut secara ‘*summary rejection*’ tanpa perlu membawa kepada pihak MMKN/MTES. Bagi kawasan-kawasan yang tidak diwartakan, permohonan akan diproses dan ulasan teknikal akan diminta daripada pihak PBT, JKR, JPS dan juga

JPBD. Penolakan atau penerimaan daripada agensi yang lebih spesifik seperti PBT akan diberi pertimbangan yang lebih.

- 3.1.2.2. Bagi isu penolakan permohonan LPS/TOL Kampung Bukit Lanchong, Jawatankuasa diberitahu bahawa tanah yang dipohon terletak di dalam Rizab Sungai walaupun pada hakikatnya permohonan ini telah dibuat sebelum tanah tersebut diwartakan menjadi Rizab Sungai.

4. SARANAN JAWATANKUASA

- 4.1. Bagi menyelesaikan masalah berkenaan *Approved Application* atau AA dan juga '*Master Title*' yang tidak dibatalkan, Jawatankuasa ini merasakan bahawa Kerajaan Negeri perlu komited untuk menyelesaikan masalah ini dan tidak membiarkan PDT-PDT menanggung masalah tunggakan cukai tanah tersebut. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu bengkel yang melibatkan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan kesemua PDT di Negeri Selangor untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian dan seterusnya menetapkan satu KPI supaya perkara berkenaan kutipan tunggakan cukai ini dapat diselesaikan dalam masa setahun memandangkan masalah tunggakan cukai juga berlaku di beberapa Pejabat Daerah dan Tanah yang lain di Selangor.
- 4.2. Pihak PDT perlu bersedia dengan permohonan-permohonan daripada pihak PBT untuk menggunakan sebahagian daripada tanah Rizab TNB di bawah talian rentis untuk dijadikan sebagai tapak letak kereta awam di sebelah stesen-stesen Sistem Aliran Transit Ringan (LRT) yang telah atau akan dibina. Jawatankuasa menyarankan supaya permohonan-permohonan seperti ini dapat disegerakan sekiranya ia dibuat oleh mana-mana PBT atau agensi-agensi yang terlibat.
- 4.3. Bagi permohonan LPS (untuk tujuan papan iklan), Jawatankuasa akan menjalankan siasatan selanjutnya sebab-sebab Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) tidak membuat sebarang permohonan LPS bagi pembinaan/pemasangan papan-papan iklan di kawasan MBSA.

5. PENUTUP

- 5.1. Jawatankuasa ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

- 5.2. Semoga segalan saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN. Sekian, terima kasih.



.....
Y.B.TUAN LAU WENG SAN

Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT)

Oktober 2014


AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei
(ADN Kawasan Sri Muda) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Gan Pei Nei
(ADN Kawasan Rawang) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
(ADN Kawasan Bangi) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan
(ADN Kawasan Gombak Setia) | Ahli |
| 7. | Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus
P.G.D.K., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K.
(ADN Kawasan Gombak Kuang) | Ahli |


URUS SETIA

1. Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
2. Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
3. Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
4. Puan Siti Salina bint Muftar
Setiausaha Pejabat
5. Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
6. Encik Muhammad Khairil bin Khalid
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker



LATAR BELAKANG

- Daerah Petaling diwujudkan pada 1 Februari 1974
- Terletak di tengah-tengah Lembah Klang
- Merupakan nadi pembangunan & hub infrastruktur kemajuan negara
- Kemajuan pesat dijana oleh 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu :
 - i. Majlis Bandaraya Shah Alam
 - ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya







VISI

Menjadikan Pejabat Daerah/Tanah Petaling sebagai pejabat termaju di Selangor dalam menguruskan pentadbiran daerah bagi memenuhi keperluan pelanggan



MISI

**Mengurus, mengawal & mentadbir sumber tanah
dan pentadbiran daerah bagi mencapai
pembangunan yang seimbang dari segi ekonomi,
sosial, fizikal & pembangunan insan**

OBJEKTIF

**Menentukan wujudnya satu pentadbiran yang cekap dan
dapat menyesuaikan dengan cabaran baru supaya
jabatan-jabatan kerajaan daerah diselaraskan di bawah
pentadbiran daerah dan dengan ini dasar-dasar
ekonomi, sosial, dan pentadbiran daerah akan dapat
digunakan untuk kepentingan rakyat dan juga
kehendak dan aspirasi serta masalah rakyat dapat
dilaksanakan melalui tindakan oleh kerajaan melalui pentadbiran
daerah**



PRESTASI PENCAPAIAN HASIL CUKAI DAN HASIL BUKAN CUKAI



	BILANGAN	JUMLAH	
2013	163,749,139.47	336,051,899.77	499,801,039.24

	BILANGAN	JUMLAH	
2014 (SEHINGGA APRIL)	101,969,085.89	139,245,812.70	241,214,898.59

13

PUNGUTAN HASIL MELALUI HASIL CUKAI DAN HASIL BUKAN CUKAI TAHUN 2013



	BILANGAN	BILANGAN CUKAI	JUMLAH
JANUARI	20,246,929.22	70,239,327.84	90,486,257.06
FEBRUARI	34,516,551.40	23,737,988.15	58,254,539.55
MAR	21,442,722.58	19,025,307.35	40,468,029.93
APRIL	15,864,883.49	9,198,453.69	25,063,337.18
MEI	52,304,827.48	7,118,537.23	59,423,364.71
JUN	2,339,548.99	8,389,699.87	10,729,248.86
JULAI	6,966,916.79	59,208,341.29	66,175,258.08
OGOS	2,240,466.46	43,212,418.60	45,452,874.05
SEPTEMBER	1,736,382.46	16,654,995.60	18,391,378.06
OKTOBER	1,790,141.71	14,663,074.90	16,453,216.61
NOVEMBER	2,312,653.37	35,139,882.00	37,452,535.37
DISEMBER	1,986,831.44	29,463,873.25	31,450,704.69
JUMLAH	163,749,139.47	336,051,899.77	499,801,039.24

PUNGUTAN HASIL MELALUI HASIL CUKAI DAN HASIL BUKAN CUKAI TAHUN 2014 (SEHINGGA APRIL)			
BULAN	HASIL CUKAI	HASIL BUKAN CUKAI	JUMLAH
JANUARI	35,517,431.08	62,096,595.80	97,614,026.88
FEBRUARI	29,400,180.16	3,667,057.50	33,067,237.66
MAC	19,207,718.04	31,066,614.40	50,274,332.44
APRIL	17,843,756.61	42,066,579.30	59,910,335.91
JUMLAH	101,969,085.89	139,245,812.70	241,214,898.59

PUNGUTAN HASIL CUKAI DAN HASIL BUKAN CUKAI 2013													
No# Cukai	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUNIAB
61402-Cukai Tanah Semasa	17,684,041.28	32,229,258.10	19,562,281.06	13,859,198.29	48,814,134.77	1,445,801.10	5,037,806.20	695,480.00	595,853.60	846,133.80	361,083.40	1,215,817.30	142,348,183.99
61403-Tunggakan Cukai Tanah	1,638,599.94	1,811,473.0	1,478,516.52	1,842,121.20	3,434,262.71	847,235.89	1,470,303.59	863,711.45	771,846.86	513,346.91	490,247.97	497,372.14	15,659,043.48
61405-Cukai Tanah Tahun 1	924,288.00	475,815.00	401,925.00	163,564.00	56,430.00	46,512.00	458,807.00	681,264.00	368,682.00	430,661.00	1,460,322.00	273,642.00	5,741,912.00
JUMLAH HASIL CUKAI	20,246,929.22	34,516,551.40	21,442,722.50	15,864,883.49	52,304,827.44	2,339,548.99	6,966,916.79	2,240,455.46	1,736,382.46	1,790,141.71	2,312,653.37	1,986,831.44	163,749,139.47
Hasil Bukan Cukai													
71739-Lesen Tol/Duduk Sementara	13,454.60	20,300.00	3,000.00	680.00	1,620.00	1,800.00	377,680.00	450.00	10,140.00	110.00	40,527.60	162,810.00	63,572.20
71803-Perkh Tanah Galan	47,000.00	45,900.00	94,000.00	41,400.00	123,600.00	43,200.00	91,200.00	35,000.00	27,000.00	69,000.00	15,000.00	36,000.00	668,300.00
72408-Gedulan	44,492.00	51,200.00	84,250.00	39,064.00	77,574.00	86,080.00	67,106.00	68,910.00	82,006.00	87,756.00	72,170.00	95,896.00	908,132.00
72409-Kewest	39,080.00	45,630.00	47,810.00	57,580.00	46,320.00	52,270.00	63,444.00	53,340.00	49,120.00	71,820.00	55,040.00	58,562.00	639,816.00
72411-Pel. Bym Permobok	31,500.00	20,695.00	33,536.00	38,190.00	56,880.00	31,790.00	47,116.00	54,810.00	13,602.00	94,340.00	27,680.00	33,580.00	484,129.00
72413-Netsis Borang SF	5,690.00	7,220.00	11,170.00	8,410.00	7,075.00	8,205.00	10,540.00	9,210.00	9,990.00	12,375.00	10,920.00	10,500.00	11,130.00
72468-Pendahulmik	71,240.00	115,118.00	144,069.00	182,932.00	168,888.00	166,233.00	167,144.00	146,721.00	187,472.00	189,736.00	173,412.00	231,912.00	1,954,917.00
72472-Carlen Raesmi	14,170.00	13,050.00	17,830.00	18,320.00	11,950.00	12,650.00	12,510.00	11,950.00	18,300.00	18,350.00	17,050.00	21,100.00	187,130.00
72473-Carlen Persendirian	24,250.00	27,240.00	38,160.00	39,650.00	27,360.00	30,490.00	31,740.00	35,980.00	37,180.00	47,830.00	35,960.00	39,450.00	415,280.00
72474-Caj Hakmilik Yang Tidak Dipungut	0.00	100.00	100.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	200.00
72447-Milepas Gadolen	7,160.00	6,900.00	12,410.00	13,750.00	11,810.00	12,860.00	10,660.00	9,180.00	10,110.00	13,820.00	9,540.00	14,440.00	132,640.00
72459-Pelbagai Khid,pendedaran	410,080.90	42,681.00	87,415.00	54,127.50	69,208.00	67,374.00	119,224.00	57,464.00	85,296.00	72,169.00	77,881.00	73,803.00	1,217,743.40
73154-Julien Petil	4,310.00	4,080.00	6,200.00	9,630.00	10,040.00	5,510.00	8,750.00	33,980.00	4,800.00	60,250.00	10,880.00	14,180.00	172,610.00
73604-Premium Geran Tanah	69,574,400.34	23,327,528.50	18,445,527.35	8,644,520.19	6,493,711.23	7,870,509.47	58,201,227.19	42,695,413.60	16,117,442.10	13,925,218.90	34,591,501.40	28,658,320.25	128,497,322.02
76153-Notsis Denda/Hukum	0.00	45.65	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	13.50	0.00	0.00	0.00	59.15
76001-Pelbagai Denda	2,500.00	300.00	0.00	0.00	12,500.00	0.00	0.00	0.00	520.00	600.00	300.00	12,800.00	29,620.00
81102-Pendapatan Balik Thn Lepas	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	104.00	0.00	0.00	0.00	104.00
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI	70,239,327.44	23,737,988.15	19,025,307.35	9,198,439.60	7,118,337.23	8,319,639.87	59,258,241.23	43,212,418.60	16,654,895.60	14,683,674.90	35,159,881.00	29,463,873.25	316,051,899.77
JUMLAH KESELURUHAN	90,486,237.06	58,254,539.35	40,468,029.35	25,063,337.18	59,613,344.71	10,723,248.86	65,175,258.08	45,451,874.05	14,391,378.05	16,453,216.61	37,452,535.37	51,450,704.69	499,801,039.24

**PUNGUTAN HASIL CUKAI DAN HASIL BUKAN CUKAI
2014 (SEHINGGA APRIL)**



Hasil Cukai	JAN	FEB	MAR	APRIL	JUMLAH KESELURUHAN
61401-Cukai Tanah Semasa	33,654,042.32	27,682,628.93	16,722,766.83	16,174,807.26	94,234,245.34
61402-Tunggakan Cukai Tanah	1,731,929.76	1,701,692.59	2,207,587.21	1,196,909.35	6,838,118.91
61403-Cukai Tanah Tahun 1	131,459.00	15,858.64	277,364.00	472,040.00	896,721.64
JUMLAH HASIL CUKAI	35,517,431.08	29,400,180.16	19,207,718.04	17,843,756.61	101,969,085.89
Hasil Bukan Cukai					
71739-Lesen Tol/Duduk Sementara	146,315.00	33,910.00	864,401.80	2,020.00	1,046,646.80
71803-Permit Tanah Galian	129,600.00	28,000.00	24,000.00	84,000.00	265,600.00
72408-Gadaian	33,714.00	58,400.00	83,094.00	77,376.00	252,584.00
72409-Kaveat	63,076.00	46,308.00	46,260.00	54,416.00	210,060.00
72411-Pel. Byrn Permohonan	31,190.00	14,110.00	28,906.00	54,580.00	128,786.00
72413-Notis Borang 5F	9,030.00	10,210.00	10,830.00	13,750.00	43,820.00
72468-Pindahmilik	78,970.00	129,526.00	158,692.00	168,198.00	535,386.00
72471-Carian Rasmi	10,950.00	15,460.00	17,430.00	22,330.00	66,170.00
72473-Carian Persendirian	31,010.00	33,870.00	36,470.00	40,200.00	141,550.00
72474-Caj Hakmilik Yang Tidak Dipungut	100.00	0.00	0.00	0.00	100.00
72487-Melepas Gadilan	6,880.00	9,150.00	11,390.00	12,020.00	39,440.00
72499-Pelbagai Khid.pendaftaran	54,528.00	52,238.00	62,093.00	90,453.00	259,312.00
73154-Jualan Patil	1,980.00	3,940.00	6,900.00	40,860.00	53,680.00
73604-Premium Geran Tanah	61,499,159.40	3,231,835.50	29,716,127.60	41,406,376.30	135,853,498.80
76153-Notis 6A Denda/Hukum	93.40	0.00	20.00	0.00	113.40
76901-Pelbagai Denda	0.00	100.00	0.00	0.00	100.00
81101-Pendapatan Balik Thn Lepas	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI	62,096,595.80	3,667,057.50	31,066,614.40	42,066,579.30	139,245,812.70
JUMLAH KESELURUHAN	97,614,026.88	33,067,237.66	50,274,332.44	59,910,335.91	241,214,898.59

PRESTASI PENCAPAIAN KUTIPAN HASIL CUKAI TANAH

BAGI TEMPOH 2013


	PERIODE DIKUTIP	KUTIPAN	PERATUS(%)
CUKAI SEMASA	151,050,967.23	142,348,183.99	94%
CUKAI TUNGGAKAN	55,793,780.18	15,659,043.48	28%
KESELURUHAN	206,844,747.41	158,007,227.47	76%

BAGI TEMPOH SEHINGGA 30 APRIL 2014

	PERIODE DIKUTIP	KUTIPAN	PERATUS(%)
CUKAI SEMASA	154,381,078.20	94,234,245.34	61%
CUKAI TUNGGAKAN	62,528,562.32	6,838,118.91	11%
KESELURUHAN	216,909,640.52	101,072,364.25	47%

2. STATISTIK PENYEDIAAN KERTAS KERJA TENTANG PERMOHONAN TANAH MELALUI "SKIM PEMILIKAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN"

PENCAPAIAN PERMOHONAN TANAH TAHUN 2011, 2012 & 2013 SKIM KEDIAMAN PEK.PTGS BIL.6/2011



PERKARA	AKTIVITI	PENCAPAIAN 2011	PENCAPAIAN 2012	PENCAPAIAN 2013
PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KTN	Penyediaan Surat Kelulusan	7	41	19
	Penyediaan Surat Tolak	-	-	-
PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH PAJAKAN DI BAWAH SEKSYEN 197 DAN 76 KTN	Penyediaan Surat Kelulusan	287	500	274
	Penyediaan Surat Tolak	1	1	1

- Skim kediaman pek. PTGS Bil.6/2011 lebih banyak di guna pakai untuk permohonan memperbaharui tempoh pajakan berbanding permohonan pelupusan secara pemberimanikan kerana pemilikan tapak yang diberi kepada pemohon adalah mengikut tanah yang diusahakan pemohon dan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri terhadap pemilik tanah.

- Penyediaan surat berdasarkan sesuatu permohonan yang tidak dapat diproses kerana tapak yang dipohon termasuk dalam tanah rizab kerajaan atau terdapat perlanggaran syarat tanah yang berlaku.

3. LAPORAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS/TOL)



**PERMOHONAN LPS DI DALAM DAERAH PETALING BAGI TAHUN 2010
SEHINGGA 2014**

Bil	Tujuan	Jumlah Permohonan	LULUS	TOLAK	Catatan
1	Tempat Letak Kereta	155	6	115	31- siasat dan Laporan dr so 2- Tunggu jawapan dari Jab Teknikal 1 - Penyediaan KR MMKN
3	Pertanian	214	2	210	2 - Siasat dan lapor dari SO
4	Perniagaan	120	1	117	1 - Penyediaan KR MMKN 1 - Siasat dan Lapor dari SO
5	Kiosk	23	0	16	5 - Penyediaan KR MMKN 2- Siasat dan lapor dari SO
6	Nurseri	101	2	98	1 - siasat dan lapor dari SO
7	Rukun tetangga / Tapak Komuniti	6	0	5	1 - siasat dan lapor dari SO
8	Balai Raya/Balai Bomba Sukarela	9	0	9	
9	Stor	20	1	19	
10	Bengkel	3	0	3	

10	Bengkel	3	0	3	
11	Tapak Pasar	2	0	2	
12	Rumah Kediaman	64	0	64	
13	Kuil	2	0	2	
14	Pemancar Telekomunikasi	2	0	2	
15	Industri	2	0	2	
16	Bangunan Sementara	1	0	1	
17	Kolam Ikan	1	0	1	
18	Pusat Rawatan Kumbahan	1	0	1	
19	Pintu Gerbang	2	0	2	
20	Lintasan Paip	1	0	1	
Jumlah		729	12	670	66

**PERMOHONAN TOL BAGI DAERAH PETALING TAHUN 2013/2014 BAGI TUJUAN PAPAN IKLAN
BERDASARKAN PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL 2/2013 BERTARikh**

27.05.2013

Aktiviti	Jumlah Permohonan	LULUS	TOLAK	Catatan
Paparan Iklan				
i) Permohonan Baru	- 78 (MBPJ)	0	0	24 Penyedian Surat Teknikal 54 - Siasatan dan Laporan dari S/O
ii) Permohonan Pembaharuan	- 32 (MPSJ)			32 - Siasatan dan Laporan dari S/O

PERMOHONAN TOL BAGI DAERAH PETALING TAHUN 2013/2014 BAGI TUJUAN PONDOK PENGAWAL BERDASARKAN PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL 1/2013				
Aktiviti	Jumlah Permohonan	LULUS	TOLAK	Catatan
Pondok Pengawal				
i) Permohonan Baru	- 7 (MBPJ) - 3 (MPSJ) - 6 (MBSA)	1		1 - Mohon pemohon kemukakan surat kebenaran dari Majlis 14 - Siasatan dan lapor dari S/O
ii) Permohonan Pembaharuan	- 2 (MPSJ)	2		- (Persatuan Penduduk Jalil Heights)


4. TUNGGAKAN PERMOHONAN PEWARTAAN TANAH PERKUBURAN BAGI ORANG BUKAN ISLAM

**TUNGGAKAN PERMOHONAN PERWATAAN TANAH-TANAH PERKUBURAN BAGI
ORANG BUKAN ISLAM**

TAHUN	JENIS			STATUS
	KRISTIAN	CINA	INDIA	
2013	0	2	2	LAPORAN SO
2014	1	0	0	TOLAK - RIZAB JALAN
JUMLAH	1	2	2	

**5. STATUS TANAH PEGANGAN
HAKMILIK BEBAS
(FREEHOLD) DAN PAJAKAN
(LEASEHOLD)**

- DUN BUKIT GASING
- DUN TAMAN MEDAN



DUN BUKIT GASING			
PEGANGAN BEBAS (FREEHOLD)			
KAWASAN	BIL LOT	KELUASAN (m ²)	PEMAJU ASAL
Seksyen 5	837	599744.711	Petaling Garden S/B
Seksyen 6	139	51428.979	Petaling Garden S/B
Seksyen 18	302	186835	Kanagapuram S/B
Seksyen 39	124	265287	Persendirian
TOTAL		1103295.69 (272.63 ekar)	

DUN BUKIT GASING



PAJAKAN (LEASEHOLD)

KAWASAN	BIL LOT	KELUASAN (m ²)	PEMAJU ASAL
Seksyen 1	394	183467	PKNS
Seksyen 3	108	48900	PKNS
Seksyen 4	107	22289	PKNS
Seksyen 5	180	680455.944	PKNS
Seksyen 6	391	292285.775	PKNS
Seksyen 7	165	143890	PKNS
Seksyen 8	667	159418	PKNS
Seksyen 9	120	161348.591	PKNS
Seksyen 10	328	135528	PKNS

DUN BUKIT GASING

PAJAKAN (LEASEHOLD)

KAWASAN	BIL LOT	KELUASAN (m ²)	PEMAJU ASAL
Seksyen 11	408	273505.859	PKNS
Seksyen 12	677	489284	PKNS
Seksyen 14	782	156893	PKNS
Seksyen 17 (16)	287	305118	PKNS
Seksyen 19 (1A)	164	65865	PKNS
Seksyen 27 (52)	33	44374	PKNS
Seksyen 38	412	131988	PKNS
TOTAL		3294610.169 (814.116 ekar)	



DUN TAMAN MEDAN			
PAJAKAN (LEASEHOLD)			
KAWASAN	BIL LOT	KELUASAN (m ²)	PEMAJU ASAL
Seksyen 1	264	89366	PKNS
Seksyen 2	284	135357	PKNS
Seksyen 3	296	115613	PKNS
Seksyen 4	690	271717	PKNS
Seksyen 14	1484	487367	PKNS
Seksyen 32 (51 A)	66	10856	PKNS
Bandar PJS	3806	1368504	PKNS dan Pemaju Lain
TOTAL		2478780 (612.52 ekar)	



